

5 Disember 2017

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Audit Persijilan MSPO Bagi Eng Lee Heng Trading & pekebun kecil, Kahang, Johor, Malaysia

Eng Lee Heng Trading telah melantik BSI untuk melaksanakan audit pensijilan MSPO untuk Eng Lee Heng Trading dan pekebun kecil. Kumpulan pekebun kecil tersebut terletak di Kahang, Johor, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan audit pensijilan Eng Lee Heng Trading pada 10 & 11 Januari 2018. Audit pensijilan akan diadakan menurut MSPO MS 2530-2:2013 – *General principles for independent smallholders*. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian Standard MS 2530:2013 Malaysia.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Eng Lee Heng Trading	
Nama unit pengurusan	Eng Lee Heng Trading
Alamat lokasi	Batu 17, Jalan Mersing, Kahang, Johor, Malaysia
Bilangan ahli pekebun kecil	108
Standard yang digunakan	MS 2530-2:2013 boleh dibeli secara atas talian di (http://www.msonline.gov.my/catalog.php)

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Eng Lee Heng Trading dan pekebun-pekebun kecil terdiri daripada:

En. Mohamed Hidhir Zainal Abidin sebagai Ketua Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang, Sosial) **En Hafriazhar Mohd Mokhtar** (Alam Sekitar, Aspek Undang-undang & sosial) dan **Cik Hu Ning Shing** sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang, Biodiversiti, Sosial & Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketelusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian baik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Operasi

En. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU

Auditee:

Eng Hwa Sai
Pengurus Kumpulan Pekebun Kecil
Eng Lee Heng Trading
Batu 17,
Jalan Mersing
86700 Kahang, Johor, Malaysia
Fax :
Email : enghwasai@yahoo.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Operasi